



**SITI Masturah Jamegan menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima bantuan.**

## **Sutera UTHM serah sumbangan**

SEMPENA bulan Ramadan Al-Mubarak, Persatuan Setiausaha (Sutera) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Pejabat Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Integrasi Erat pada di Kampung Parit Yaani, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Pengerusi Sutera, Siti Masturah Jamegan berkata, program itu diadakan bagi mengerat dan menjalin hubungan silaturrahim antara staf UTHM dengan masyarakat setempat selain menghulurkan bantuan keperluan harian bagi meringankan beban masyarakat yang memerlukan terutamanya menjelang bulan Ramadhan.

Program itu telah disempurnakan Penasihat Sutera, Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan ilmu di dalam mengubah kehidupan dan peranan warga UTHM di dalam membantu masyarakat setempat.

“Saya berharap program sebegini dapat diteruskan di masa hadapan. Sebanyak 14 buah keluarga yang kurang bernasib di sekitar Kampung Parit Yaani telah menerima kunjungan ahli SUTERA dan juga staf UTHM yang cukup prihatin dengan kepayahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat.”

“Kebanyakan penerima sumbangan terharu dengan kunjungan warga UTHM yang membantu membeli barang yang disumbangkan sempena bulan Ramadhan,” katanya.